

'HAPUS KAN IRIHATI'

Oleh ZAINAL A.

PULAU PINANG, Khamis.— Usaha-usaha perlu dipesatkan lagi bagi membolehkan semua kaum menyertai bidang perniagaan dan perdagangan, demi untuk mengelakkan irihati di antara mereka, demikian kata **Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.**

Kata Dr. Mahathir, selagi perniagaan dan perdagangan tidak diminati dan disertai oleh semua kaum, selama itu-lah irihati akan berada dan perpaduan kaum tidak akan tercapai.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran menyebut demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen Guru-guru Perdagangan di Dewan Besar Maktab Perguruan Persekutuan Gelugor, di sini.

Konvensyen tersebut dianjurkan oleh Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokesyen Kementerian Pelajaran.

Kata Dr. Mahathir: "Kaum Bumiputra adalah satu bangsa yang amat kurang terlibat di bidang perniagaan secara moden kerana mata pencarian untuk hidup mereka terutamanya di kawasan luarbandar banyak bergantung kepada perladangan secukup hidup.

"Sebaliknya kaum bukan Bumiputra banyak terlibat dalam perniagaan dengan akibat perpisahan dan kurangimbangan pembangunan antara kaum di negara kita.

"Keadaan ini amat jelas terlihat sebelum negara mencapai kemerdekaan.

Perubahan

"Perubahan sudah berlaku sekarang iaitu masyarakat Bumiputra luarbandar sudah ada melibatkan diri di bidang perniagaan tetapi bilangannya masih jauh dari memuaskan."

Dr. Mahathir menambah, jika dikaji sebab-sebab Bumiputra masih kurang dalam bidang perniagaan, maka jawabnya ialah mereka masih baru hendak berniaga.

Sebaliknya, kaum-kaum lain seperti kaum China, dari masa kanak-kanak lagi mereka sudah terdedah kepada sekolah belok perniagaan.

Sebaliknya, anak-anak Melayu hanya tahu membeli dengan wang yang diberikan oleh ibubapa.

Jadi apabila seseorang Melayu memulakan perniagaan, maka ia berbuat demikian tanpa sebarang pengalaman.

Sebelum itu ia mungkin seorang peladang, kakitangan Kerajaan atau orang-orang yang hendak mencuba pekerjaan baru seperti buruh kasar, bekas pasukan keselamatan dan sebagainya.

Dan apabila mereka ini gagal dalam perniagaan maka jarak pembangunan dengan kaum lain bukan sahaja tidak dapat dikurangkan, malah makin jauh lagi jaraknya.

Tiap-tiap seorang yang gagal, semakin jauh kita dari mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Kata Dr. Mahathir, Bumiputra tidak berpeluang mendapatkan pengalaman berniaga dari masa kanak-kanak lagi seperti anak bukan Bumiputra.

Jadi cara yang terbuka ialah mengajar mereka ilmu perniagaan waktu mereka berada di bangku sekolah.

Oleh yang demikian mata pelajaran perdagangan merupakan satu alat penting untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum.

Malangnya, kata Dr. Mahathir, sehingga ini mata pelajaran ini lebih mudah didapati di sekolah-sekolah dalam bandar dari sekolah luarbandar.

Ini cuma menambah perbezaan kebolehan dalam bidang ini di antara kawasan dan di antara kaum.

"Sesungguhnya saya sedar bahawa sukatan

pelajaran ilmu perdagangan untuk sekolah-sekolah menengah sudah ada.

"Tetapi dalam hal ini saya ingin menarik perhatian guru-guru perdagangan khususnya dan ibubapa serta masyarakat sekalian bahawa pertama, sukatan mata pelajaran ini perlu dikaji dari semasa ke semasa untuk disesuaikan dengan kehendak masa dan zaman dan yang keduanya, teknik atau kaedahnya, teknik atau kaedah penyampaian isi pelajaran ini kepada murid."